KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 4 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
World Communications

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

4/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KANAK-KANAK LELAKI DIKHUATIRI LEMAS KETIKA MANDI SUNGAI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261669/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-dikhuatiri-lemas-ketika-mandi-sungai | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/667444 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-lelaki-dipercayai-lemas-ketika-mandi-di-sungai-KF11059461 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=7ZiTbTABHoE&ab_channel=AstroAWANI | YOUTUBE |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2194965 | BERNAMA.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lelaki-dipercayai-lemas-ketika-mandi-di-sungai-422366 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/03/kanak-kanak-lelaki-dipercayai-lemas-ketika-mandi-di-sungai/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **DPM ZAHID REUNITED WITH SARAWAK'S FORMER DCM JABU DURING GAWAI OPEN HOUSE** | |
| | https://dayakdaily.com/dpm-zahid-reunites-with-sarawaks-former-dcm-jabu-during-gawai-open-house/ | DAYAKDAILY.COM |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/dpm-zahid-pays-courtesy-call-on-premier/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |
| | https://dayakdaily.com/dpm-zahid-pays-courtesy-call-to-sarawak-premier-today/ | DAYAKDAILY.COM |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/dpm-zahid-visits-uggahs-gawai-open-house-while-on-working-trip-to-swak/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **2,400 VIDEO SEKS GADIS MELAYU DIJUAL DI PLATFORM PEMESEJAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/2400-video-seks-gadis-melayu-dijual-di-platform-pemesejan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://sarawakvoice.com/2400-video-seks-gadis-melayu-dijual/ | SARAWAKVOICE.COM |

4/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **UGUT SEBAR GAMBAR AIB, REMAJA PEREMPUAN DITAHAN** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/03/ugut-sebar-gambar-aib-remaja-perempuan-ditahan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/03/reka-cerita-diculik-remaja-minta-tebusan-rm100000-pada-keluarga/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/remaja-perempuan-diberkas-peras-ugut-sebar-gambar-tak-senonoh-mangsa-melalui-fb/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/remaja-19-tahun-mesej-keluarga-dakwa-diculik-minta-tebusan-rm100000/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261666/berita/semasa/remaja-reka-cerita-diculik-tuntut-tebusan-rm100000-dari-keluarga | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **VIDEO WANITA TULAR KASARI BAYI DI PUSAT JAGAAN TELAH DIDAKWA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/video-wanita-tular-kasari-bayi-di-pusat-jagaan-telah-didakwa/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://sarawakvoice.com/insiden-bayi-perempuan-dikasari-di-pusat-jagaan-kanak-kanak/ | SARAWAKVOICE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **KES WANITA 'BERENDAM' DALAM SUNGAI SEGAMAT, INI SEBABNYA...** | |
| | https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/06/1109648/kes-wanita-berendam-dalam-sungai-segamat-ini-sebabnya | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-berendam-dalam-sungai-pesakit-psikiatri/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **JAGA ADAB KETIKA GUNA MEDIA SOSIAL** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/03/jaga-adab-ketika-guna-media-sosial/ | KOSMO.COM.MY |

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



4/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **REMAJA SESAT DI HUTAN BUKIT PELINDUNG DITEMUI SELAMAT** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261603/berita/semasa/remaja-sesat-di-hutan-bukit-pelindung-ditemui-selamat | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-sesat-di-hutan-bukit-pelindung-ditemui-selamat-422326 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **PENYEDIAAN MAKANAN BERNUTRISI DI PRASEKOLAH PERLU DIBERI PENEKANAN - DR NIK RAIHAN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyediaan-makanan-bernutrisi-di-prasekolah-perlu-diberi-penekanan-dr-nik-raihan-422373 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **SEDIH, 'KEKOSONGAN' DAN STRES MELAMPAU MENDORONG MASALAH KEMURUNGAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/amp/hujung-minggu/sihat/2023/06/1109484/sedih-kekosongan-dan-stres-melampau-mendorong-masalah-kemurungan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **PESTA KELUARGA KEMBALI LAGI** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=JSsvhtkoYA0&ab_channel=HarianMetro | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **KANAK-KANAK PEREMPUAN HILANG DI LADANG** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/03/kanak-kanak-perempuan-hilang-di-ladang | UTUSANBORNEO.COM.MY |

4/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **[LANGSUNG] #AWANIPAGI: REVOLUSI PENERBITAN BUKU UNTUK KANAK-KANAK I 5 JUN 2023** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=RKplw8xgp4U&ab_channel=AstroAWANI | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **PELAN ‘AL-FALAH’ SOKONG AGENDA MEMBANGUN MALAYSIA MADANI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/03/pelan-al-falah-sokong-agenda-membangun-malaysia-madani/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **MENTERI TEGUR ISU PELAJAR TOREH TANGAN ELAK STRES** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/03/menteri-tegur-isu-pelajar-toreh-tangan-elak-stres/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **PWB DUN TAMAN TEMPLER RAI GOLONGAN IBU, RANCANG PROGRAM JANA PENDAPATAN** | |
| | https://selangorkini.my/2023/06/pwb-dun-taman-templer-rai-golongan-ibu-rancang-program-jana-pendapatan/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **MANY STRUGGLING TO ‘LIVE DECENTLY’** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/04/many-struggling-to-live-decently | THESTAR.COM.MY |

4/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **I-SURI KWSP: PERLINDUNGAN KEWANGAN UNTUK SURI RUMAH: DAFTAR & SEMAK STATUS** | |
| | https://akak.my/i-suri-kwsp/ | AKAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **JENAMA KASUT PALLAS DAN YKN AGIH SUMBANGAN KEPADA PELAJAR B40** | |
| | https://suarasarawak.my/jenama-kasut-pallas-dan-ykn-agih-sumbangan-kepada-pelajar-b40/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **KBS PERLUAS PROGRAM KLAS RENANG UNTUK OKU, WARGA EMAS, KANAK-KANAK** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/03/kbs-perluas-program-klas-renang-untuk-oku-warga-emas-kanak-kanak/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ‘PENDEKATAN BELANJA BERSIH BANTU KERAJAAN GUBAL INISIATIF LEBIH RESPONSIF’ | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# ‘Pendekatan belanja bersih bantu kerajaan gubal inisiatif lebih responsif’

Datuk Seri Ahmad Maslan
Timbalan Menteri Kewangan 1

**Soalan (S): Boleh Datuk Seri perincikan lagi dasar subsidi bersasar yang diperkenalkan kerajaan?**
Jawapan (J): Dasar subsidi bersasar hendak dilaksanakan supaya perbelanjaan subsidi oleh kerajaan lebih berkesan kepada golongan memerlukan. Justeru, pendekatan subsidi bersasar ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan keadaan kewangan kerajaan.

Maklumat Pangkalan Data Utama (PADU) juga akan dibangunkan bagi melicinkan kaedah pemberian subsidi bersasar. Proses pengesahan pendapatan akan dilakukan secara berkala untuk membenarkan golongan yang terjejas pendapatan, mengemas kini data mereka.

Bagi menentukan subsidi bersasar isi rumah mempunyai anak belajar di universiti pula, ia sudah dibenarkan di bawah potongan cukai pendapatan sedia ada. Tidak timbul masalah dalam hal ini. Kadar itu juga akan dikaji supaya bersesuaian dengan keadaan semasa.

**S: Sejauh mana perubahan dalam menentukan kelompok yang layak menikmati subsidi bersasar?**
J: Pendapatan boleh belanja bersih isi rumah adalah satu kaedah yang lebih relevan dalam usaha kerajaan untuk memastikan bantuan sampai kepada mereka yang amat memerlukan berdasarkan keperluan sebenar. Situasi semasa memerlukan kerajaan mengambil pendekatan secara berperingkat dan tidak menunggu jawapan sempurna. Faktor luaran seperti ketidaktentuan pasaran global dan pergolakan berterusan memerlukan reaksi kerajaan supaya mengurangkan impak faktor luaran ke atas kehidupan rakyat.

**S: Apa maksud pendapatan boleh belanja bersih isi rumah dan kewajaran ia dilaksanakan?**
J: Kategori pendapatan T20, M40 dan B40 adalah pengkelasan umum berdasarkan statistik berasaskan pendapatan semua isi rumah. Pendapatan belanja bersih isi rumah akan mengambil kira tanggungan dan perbelanjaan isi rumah dengan bilangan ahli keluarga berlainan, jenis kediaman dan perbelanjaan asas lain. Pendekatan belanja bersih berbanding hanya pendapatan (kasar) akan membantu kerajaan menggubal inisiatif lebih responsif dan bersasar, mengurangkan bebanan dengan lebih berkesan ke atas ketua dan ahli isi rumahnya.



**S: Perlukah diwujudkan ruang pengecualian berdasarkan kriteria kumpulan kelompok pendapatan.**
J: Dasar menyalurkan bantuan mengikut pendapatan belanja bersih adalah pendekatan baharu yang memerlukan input pelbagai pihak. Kerajaan akan memastikan wujud saluran bersesuaian untuk menerima input daripada semua pemegang taruh. Kerajaan dalam proses rundingan dan semakan bersama semua pihak terbabit. Pengumuman akan dibuat dari semasa ke semasa mengikut tahap kesediaan.

Berkenaan bentuk kaedah penyampaian subsidi yang bakal dilaksanakan, kerajaan akan memastikan subsidi bersasar diberikan secara efektif dan menyeluruh. Kita sudah ada sistem pendaftaran bagi setiap individu sejak selepas dilahirkan. Penggunaan nombor MyKad adalah satu daripada kaedah sedia ada yang akan dikaji.

**S: Adakah kerajaan akan menumpukan cukai syarikat perniagaan lebih komprehensif seperti Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) seperti dahulu?**
J: Pada purata, kutipan pendapatan syarikat melebihi kutipan cukai individu sekali ganda. Adalah penting untuk kerajaan mengambil langkah bernas bagi memastikan tanggungan cukai tidak membebankan rakyat dan tidak menjejaskan daya saing negara untuk merancakkan pelaburan oleh syarikat. Pelaburan syarikat akan memberi kesan limpahan kepada masyarakat dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perkhidmatan lebih baik.

Berdasarkan prestasi semasa, kerajaan dijangka memperoleh penjimatan sebanyak RM4.1 bilion melalui pelaksanaan subsisi elektrik bersasar pada separuh 2023. Justeru, dijangka kerajaan bakal memperoleh penjimatan kira-kira RM8 bilion hingga tahun ini. Kerajaan juga tidak menafikan langkah rasionalisasi subsidi ini, terutama bagi bahan api menyebabkan inflasi. Maka, kerajaan akan memastikan impak ke atas inflasi sangat minimum seperti dilakukan ketika harga minyak naik mencanak pada 2022.

> “Pendapatan belanja bersih isi rumah akan mengambil kira tanggungan dan perbelanjaan isi rumah dengan bilangan ahli keluarga berlainan, jenis kediaman dan perbelanjaan asas lain”



## Data perlu berasaskan setiap individu, bukan satu keluarga

Dari Muka 12

Kos bahan api lebih tinggi akan menjejas kos operasi syarikat dan kenaikan kos ini akan dibebankan kepada pelanggan dengan kenaikan harga barangan.

Kerajaan sebenarnya dilihat lebih fokus kepada penjimatan perbelanjaan. Kos perbelanjaan memang perlu dikurangkan, namun perlu dalam lain-lain kos mengurus negara. Sepatutnya pengurangan kos bukan daripada jumlah bantuan dan subsidi kepada rakyat, terutama dalam keadaan negara dan dunia dilanda inflasi serta kemurungan ekonomi. Cukai satu daripada penyumbang pendapatan negara, tapi yang jadi pemangkin kepada pendapatan negara apabila industri tempatan berkembang atau apabila kerajaan memperkenalkan ekosistem industri tempatan baharu. Hala tuju ekonomi dan industri perlu diberi perhatian supaya industri boleh menyumbang kepada pendapatan negara.

Dari segi ekonomi, kita jauh ketinggalan berbanding negara jiran. Kita juga ketinggalan jauh dari kemajuan industri kereta elektrik yang mendominasi dasar kerajaan negara jiran. Jika GST diperkenalkan semula, ia akan menambah beban kepada rakyat, ia tidak perlu diperkenalkan sekarang pada saat ekonomi terbeban dengan inflasi, namun boleh dipertimbang apabila ekonomi kembali pulih.

**S: Bagaimana mahu memastikan subsidi bersasar tidaktersasar daripada matlamat asal?**
J: Matlamat utama kerajaan memperkenalkan subsidi bersasar ialah menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan. Apa yang menjadi isu adalah rakyat mungkin terkecuali daripada kelayakan mendapat subsidi. Bagi mengelak rakyat tercicir mendapat bantuan, kerajaan perlu menilai setiap pendapatan boleh belanja bersih setiap individu di setiap daerah, bukan setiap isi rumah. Penilaian berpandukan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah tidak mungkin dapat memberi gambaran sebenar kehidupan seseorang kecuali jika definisi isi rumah itu terhad kepada suami, isteri dan tanggungan.

Kepada rakyat yang berkongsi rumah, bilik atau menyewa bilik contohnya, kerajaan perlu menggunakan garis ukur berbeza dan tidak dikategorikan sebagai isi rumah supaya mereka tidak terkecuali mendapat bantuan atau subsidi. Perbelanjaan bersih juga perlu ambil kira pembayaran pinjaman isi rumah, termasuk kos keperluan asas, selain makanan seperti kos pengangkutan dan tol untuk mendapat jumlah pendapatan bersih.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MURID TAHUN 6 ANTARA 116 DISAMAN TRAFIK | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Murid Tahun 6 antara 116 disaman trafik

**Kuala Berang:** Murid Tahun Enam antara 116 yang disaman atas kesalahan menunggang motosikal tanpa lesen dan tidak memakai topi keledar dalam operasi yang dijalankan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (BSPT) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Terengganu, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Deputi Superintendan Hasmerra Hassan, berkata operasi diketuai Ketua BSPT IPD Hulu Terengganu, Inspektor Zainon Abidin Ismail itu menyasarkan keselamatan penunggang motosikal.

Daripada 116 saman yang dikeluarkan, katanya, 40 saman membabitkan kesalahan tidak memakai topi keledar.

"Enam penunggang motosikal di bawah umur 16 tahun turut disaman dengan yang paling muda berusia 12 tahun.

"Antara kesalahan lain yang dilakukan penunggang ialah tiada cermin sisi, tiada nombor pendaftaran, ubah suai ekzos, lesen tamat tempoh, motosikal tiada insurans, nombor pendaftaran tidak menepati syarat dan gagal mempamerkan lesen P atau L," katanya.

Hasmerra berkata, bagi kes penunggang motosikal di bawah umur yang terbabit kesalahan, pihaknya akan memaklumkan kepada penjaga sebagai tindakan susulan.



*Antara penunggang motosikal yang ditahan BSPT IPD Hulu Terengganu, semalam.* (Foto ihsan PDRM)

TAJUK : BAYI MENANGIS DI SISI JASAD IBU

HARI : AHAD | AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 04 JUN 2023 | M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# BAYI MENANGIS DI SISI JASAD IBU

## *Lelaki terkilan isteri meninggal dunia tanpa jagaan dakwa kerana tuntutan tugas*



EXLY mencium dahi anaknya.

Oleh Wartawan HM
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Luluh hati seorang lelaki apabila kepulangannya dari tempat kerja disambut dengan keadaan isteri yang kaku tidak bernyawa manakala bayinya menangis kelaparan di sisi jasad wanita itu.

Lelaki itu, Exly Jailon berkata, dia terkilan isterinya meninggal dunia ketika dia tiada di sisi wanita itu kerana tuntutan tugas.

"Daddy (panggilan Exly dengan isterinya) tidak tahu dari jam berapa lagi sayang (isterinya) sudah kehilangan nyawa...*baby* (bayi) kita meraung menangis kelaparan.

"Andaikan saja masa itu *baby* pun ada apa-apa (perkara tak diingini berlaku) masih mampukah daddy teruskan hidup," katanya yang meluahkan perkara itu di Facebook secara bersiri sejak lima hari lalu.

Dakwa Exly, dia terpaksa keluar bekerja selepas majikannya hanya memberikan pelepasan dua hari cuti paterniti pada 5 dan 6 Mei untuk menjaga isterinya dalam pantang.

"(Dapat) Paternity *leave* (untuk) mendiang isteri beranak dua hari saja.

"Saya pergi klinik (8 Mei) pun terpaksa ambil cuti tahunan untuk membawa isteri saya dan kemudian 9 Mei saya kehilangan dia.

"Kamu boleh bayangkan, balik-balik dari kerja *wife* (isteri) sudah tidak bernyawa, anak yang baru lahir dalam usia empat hari menangis tidak dapat menyusu di samping ibu dia yang sudah baring keras tidak bernyawa," katanya.

Exly turut menggunakan platform itu untuk meluahkan rasa terkilan terhadap majikannya yang seolah-olah tidak memahami serta mengabaikan kebajikan pekerja.

"Masa *wife* (isteri) saya beranak kamu suruh juga datang kerja...bila *wife* saya meninggal baru kamu senang-senang cakap kami turut bersedih dengan pemergian isteri kamu.

> *Kamu boleh bayangkan, balik-balik dari kerja wife (isteri) sudah tidak bernyawa, anak yang baru lahir dalam usia empat hari menangis tidak dapat menyusu di samping ibu dia yang sudah baring keras tidak bernyawa"*
>
> **Exly**

"Cakap saja bagi cuti tanpa gaji saya boleh terima, saya ini terpaksa kerja. Gara-gara komitmen kerja, saya balik *wife* sudah tak bernyawa.

"Bagus saya cuti tanpa gaji sajalah jaga mendiang *wife* saya dulu. Orang cuti berkabung pun kena *non pay leave* (cuti tanpa gaji). Terbaik," katanya menyindir majikannya itu.

Menerusi perkongsian sama, Exly mendakwa dia mengalami *anxiety* (keresahan) kerana masih tertekan dan bersedih dengan apa yang menimpa kepada keluarganya.

"Orang tak akan faham keadaan daddy macam mana bila datang *anxiety*, trauma dan tekanan dengan perasaan memberontak.

"Daddy hanya meluahkan agar segala terpendam dalam hati terlepas tetapi tak akan cukup selagi daddy dalam keadaan trauma.

"Memang semangat dan fikiran saya sekarang tengah kosong dan trauma saja, tetapi terubat bila bersama anak yang jadi pendorong dan pembangkit semangat saya.

"*Family* (keluarga) semua pun suruh berehat di kampung ambil masa untuk tenangkan hati dan fikiran, terima kasih kepada kamu dan sahabat yang sudah anggap saya sebagai keluarga mereka yang sentiasa datang memberi semangat agar saya tidak berseorangan hadap semua ini," katanya yang menetap di Kota Marudu, Kudat Sabah.

Sementara itu, usaha Harian Metro mendapatkan cerita sebenar daripada lelaki berkenaan sejak semalam tidak berjaya selepas dia tidak membalas kiriman mesej di Facebook.



EXLY bersama mendiang isterinya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA ‘BERENDAM’ PESAKIT PSIKIATRI | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Wanita ‘berendam’ pesakit psikiatri

**Segamat:** Wanita yang dilihat ‘berendam’ dalam Sungai Segamat oleh orang awam 26 Mei lalu disahkan pesakit psikiatri.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marinsah, berkata wanita terbabit dilihat berenang lebih sejam dalam Sungai Segamat oleh orang awam.

“Dia kemudian diselamatkan Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) Segamat dan polis selepas dimaklumkan mengenai kejadian itu.

“Wanita terbabit kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat untuk diambil keterangan pada jam 7.30 malam.

“Dia mendakwa turut tidak menemui jalan pulang ke Pusat Perlindungan Rumah Kasih Sayang Kampung Tengah di sini,” katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, keterangan juga sudah diambil dan dia dibawa ke Pusat Perubatan Hospital Daerah Segamat (HDS) untuk pemeriksaan kesihatan.

Kehilangannya disahkan seorang ahli keluarga terdekat dan pihak pusat perlindungan di sini.

Harian Metro sebelum ini melaporkan wanita berkenaan mendakwa kecewa kerana sudah dua bulan tidak dibayar gaji oleh majikannya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GIRL, 16, QUITS SCHOOL TO HELP DAD WHO HAD STROKE | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

SEEKING A BETTER FUTURE

# GIRL, 16, QUITS SCHOOL TO HELP DAD WHO HAD STROKE

Wheelchair-bound man, however, wants her to resume studies and get SPM certificate

OLIVIA MIWIL
**KOTA KINABALU**
news@nst.com.my

HASSAN Mah Abdullah's hopes his 16-year-old daughter resumes her education until Form 5.

The 63-year-old, who used to work as a personal driver, lost his source of income three years ago after a stroke.

"I am wheelchair-bound. I rely on my savings to cover my monthly housing loan, utility bills groceries commitments of about RM1,000.

"To cut my expenses, I eat only once a day, or more if my neighbours give me food.

"Whenever I am alone at home, I switch off as many lights as possible at night," said the single parent here on Friday.

He sometimes sends his daughter to live with her grandmother or a friend.

Hassan said his daughter quit school because she did not want to burden him with tuition and school bus fees, as well as pocket money.

However, he said he wanted her to resume her studies as with a Sijil Pelajaran Malaysia certification, she could have a better future.

"Her school expenses cost at least RM500 per month.

"This led her to drop out of school last year, despite her teachers coming to the house to encourage her to continue studying.

"She wanted to get a job last year despite being underaged. She was recently hired as a part-time employee.

"It would be a shame if she did not complete her education."



*Hassan Mah Abdullah at his home in Kota Kinabalu on Friday.* PIC BY OLIVIA MIWIL

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GIRL, 17, HELD FOR EXTORTION | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

THREATENED TO DISTRIBUTE LEWD IMAGES

# Girl, 17, held for extortion

**TANGKAK:** Police have detained a 17-year-old girl after she had allegedly extorted money from a woman to the tune of RM27,000.

Tangkak acting district police chief Deputy Superintendent Idris Abdul Rahman said the girl was detained at Taman Seri Nilam around 4pm on Friday after the victim lodged a report last Monday.

He said investigations showed that the suspect had threatened to distribute lewd images of the 20-year-old victim if the latter did not hand over a sum of money.

He said the victim first knew the suspect on Jan 28 via Instagram.

"The victim had transferred RM27,000 to the suspect via 32 transactions," he said.

Idris said the last threat made by the suspect was on May 31, when she demanded an additional RM600.

Unable to tolerate the matter any longer, the victim informed her mother, who urged her to lodge a report.

Checks showed that the victim had never met the suspect face to face.

> ***The victim had transferred RM27,000 to the suspect via 32 transactions.***
>
> **DEPUTY SUPERINTENDENT IDRIS ABDUL RAHMAN**
> Tangkak acting district police chief

Idris said during the arrest, police seized various items such as a mobile phone and a SIM card, an automated teller machine card and RM152 from the suspect.

The case is being investigated under Section 384 of the Penal Code for extortion.

The suspect is being remanded until tomorrow.

If found guilty, the suspect can be jailed a maximum of 10 years, fined, whipped or any of the two punishments.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CRACKING DOWN ON UNLICENSED CHILDCARE CENTRES | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Cracking down on unlicensed childcare centres

By **MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** A task force has been created to check on every childcare centre in the state to ensure it is operating legally.

State women, family and community development committee chairman Khairin Nisa Ismail said it had held discussions with the Johor Welfare Department on carrying out an operation against unregistered or unlicensed centres.

"The state government will continue to take a firm stand against any parties that commit injustice and do not give children the rights they deserve," she said here yesterday.

Khairin Nisa said under Section 6 of the Child Care Centre Act 1984, nobody was allowed to run or participate in the management of an unregistered childcare centre.

The offence carries a fine of up to RM10,000 or imprisonment of up to two years.

Earlier this month, the Welfare Department in the state had ordered the closure of a nursery in Mutiara Rini, Skudai, believed to be involved in the abuse of two babies.

The centre's two other branches in Jalan Abd Samad and Gelang Patah were also ordered to close.

Khairin Nisa said she had recently been part of the task force team that had inspected two childcare centres in Iskandar Puteri identified as operating without complete documentation or licence.

Some childcare centres, she added, were also found to be employing illegal immigrants besides providing an unsafe and unhygienic environment for children's growth.

"We immediately issued an order to close these centres as they had been operating without a licence.

"They must comply with the rules by having complete documentation and a licence should they wish to continue operating, " she said.

Khairin Nisa also reminded childcare centre operators to cooperate with the state Welfare Department and relevant agencies.

She urged parents wanting to send the children to a childcare centre to first check with the Welfare Department to make sure that these were licensed.

"Parents should also inspect the centres or premises in terms of their safety and cleanliness to make sure that their child is in a safe and conducive environment," she said.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | OUR YOUNG PEOPLE ARE IN TROUBLE | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

Sunday Star SAYS

# Our young people are in trouble

THE National Health and Morbidity Survey 2022 has brought to light alarming trends affecting Malaysian teenagers.

Suicidal thoughts, verbal and physical abuse within homes, and bullying and cyberbullying have emerged as critical issues affecting the well-being of our youth.

The prevalence of suicidal thoughts among teenagers especially demands urgent attention from all of society. We need to prioritise mental health support and destigmatise seeking help.

Schools, in collaboration with mental health professionals, should provide accessible counselling services and conduct awareness campaigns about suicide.

Additionally, establishing helplines and online platforms where young people can anonymously seek guidance and support can play a vital role in preventing tragedies and promoting mental well-being.

The reasons for suicidal ideation could well be attributed to the distressing reality of verbal and physical abuse experienced by Malaysian teenagers in their homes, as well as the prevalence of bullying revealed by the survey.

Here again, schools – where our youth spend so much of their lives – can play a pivotal role by offering confidential counselling and educating children about their rights and encouraging them to speak up.

By strengthening collaborations with child protection agencies and providing safe shelters for abuse survivors, schools can create a secure environment where young people feel supported and protected.

But schools can feel terrifyingly unsafe when bullying rears its ugly head. The survey reveals that this issue remains a persistent challenge in the lives of Malaysian adolescents.

This age-old problem has been made much worse by technology – children and teens are increasingly vulnerable to online harassment, which can have severe psychological and emotional consequences.

What's needed is a multifaceted approach that includes empowering youth to address bullying effectively.

Schools should implement evidence-based anti-bullying programmes that educate students on empathy, conflict resolution and bystander intervention. Peer support systems and mentoring initiatives can foster a sense of community, encouraging students to stand together against bullying.

Furthermore, parents and educators must be actively involved, emphasising open communication and ensuring bullying incidents are addressed promptly and effectively.

Empowering young people to navigate the digital landscape safely is essential. Therefore, schools should incorporate digital literacy programmes in the curriculum, educating students about responsible online behaviour, privacy settings and the potential impact of their online actions.

By fostering a culture of digital citizenship and encouraging the reporting of cyberbullying incidents, we can create a safer online environment for our youth.

Promoting empathy and compassion should be at the core of addressing these issues.

The education system should prioritise social-emotional learning, teaching students the value of kindness, respect and inclusivity.

By fostering a supportive and compassionate school culture, we can empower young people to become advocates for positive change and stand up against abuse, bullying and cyberbullying.

Parents, too, can play a crucial role in empowering their children to navigate these challenges.

Parents need to engage with their children actively, fostering open lines of communication and providing a safe space for dialogue.

Parenting workshops and resources can equip parents with the knowledge and skills to recognise signs of distress, offer support, and collaborate with schools and relevant organisations.

Addressing these complex issues requires a collaborative effort from all sectors of society.

Schools, community organisations, government agencies and media outlets should join forces to raise awareness, implement prevention programmes and provide accessible resources.

Those suffering from problems can reach out to the Mental Health Psychosocial Support Service at 03-2935 9935 or 014-322 3392; Talian Kasih at 15999 or 019-261 5999 on WhatsApp; Jakim's (Department of Islamic Development Malaysia) family, social and community care centre at 0111-959 8214 on WhatsApp; and Befrienders Kuala Lumpur at 03-7627 2929 or go to *befrienders.org.my/centre-in-malaysia* for a full list of numbers nationwide and operating hours, or email *sam@befrienders.org.my.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABY GIRL ABUSED AT CHILDCARE CENTRE IN BATU CAVES | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Baby girl abused at childcare centre in Batu Caves

**KUALA LUMPUR:** The police have confirmed that a baby girl shown being abused in a video that went viral on social media recently was from an incident that occurred on May 21 at a childcare centre in Taman Samudera, Batu Caves here.

Acting Gombak police chief Supt Noor Ariffin Mohamad Nasir said a police report was lodged by the baby's mother on the same day after she found several bruises on the baby's thigh and cheek.

"The police then arrested a local woman, 23, who was a babysitter at the centre and she was charged at the Selayang Court on May 30.

"She pleaded guilty to a charge under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001 and was fined RM10,000 with a three-year good behaviour bond, and was ordered to do community service," he said in a statement Friday night.

He added that the centre's owner, who was also charged under Section 6(2) the Child Care Centre Act 1984, pleaded not guilty and case mention was set on Aug 7.

"The owner pleaded guilty to a charge under Regulation 3. Licensing of Trades, Businesses and Industries By-Laws (MPS) 2007 and fined RM1,000," he said.

He also advised the public to not make any comment about the viral video as it would affect public order.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PM: KIDS MUST LEARN TO CLEAN TOILETS, WILL TEACH THEM HUMILITY | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# PM: Kids must learn to clean toilets, will teach them humility

**KUALA LUMPUR:** Humility can be instilled from young if children are taught how to clean toilets, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said.

He said many children from rich backgrounds had no respect or concern for the daily hardships the lower income groups have to face.

He added that children of all ages and backgrounds can learn to appreciate what the common man does if they were made to clean toilets at home or at school.

"Kids must be taught to learn to clean toilets to learn what humility and good values are. If they're taught so they will appreciate the work their moms or public lavatory workers do, they will know its difficulties.

"This was practised during my time when I was the minister of education. Even then I faced resistance when an upper-class professional family wrote a telegram to me protesting their kids cleaning toilets. They said their kid was there to study, not clean toilets.

"See the mentality? Education is about respecting people, even those cleaning toilets. If our kids are taught this then they will learn to appreciate people and the hard work they do," he said at an event here yesterday. — Malay Mail

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA MAUT, DUA ANAK PEREMPUAN SELAMAT DALAM KEMALANGAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa maut, dua anak perempuan selamat dalam kemalangan

**LABUAN:** Seorang pemandu lelaki maut manakala dua penumpang yang juga anak perempuannya terselamat selepas kereta dinaiki terbabas di Jalan Mohd Salleh berhampiran sebuah kafe di Taman Damai di sini.

Ketua Polis Daerah Labuan Superintenden Ahmad Jawila berkata, mangsa warga tempatan berumur 48 tahun itu disahkan meninggal dunia serta-merta di lokasi kejadian.

"Hasil siasatan mendapati kejadian berlaku pada jam 8.30 malam 2 Jun membabitkan sebuah kenderaan jenis kompak yang terbabas.

"Impak kemalangan membabitkan mangsa tersepit di bahagian pemandu dan dilaporkan maut di tempat kejadian.

"Dua lagi penumpang iaitu anak perempuan mangsa yang berada bersama-sama di tempat kejadian berumur lapan dan 10 tahun hanya mengalami kecederaan ringan," katanya.



**REMUK:** Keadaan kenderaan mangsa yang rosak teruk selepas kemalangan.

Beliau berkata, mayat mangsa kemudian dihantar ke hospital untuk dibedah siasat.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana menyebabkan kematian akibat memandu dengan melulu atau membahayakan," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KANAK-KANAK PEREMPUAN HILANG DI LADANG | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 04 JUN 2023 | M/SURAT : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



**HILANG: Pasukan bomba ketika menjalankan operasi SAR di kawasan ladang berkenaan.**

# Kanak-kanak perempuan hilang di ladang

**Oleh Hamzah Sanudin**

**KINABATANGAN:** Seorang kanak-kanak perempuan dilaporkan hilang sejak Selasa lalu di Ladang Tung Hup, di sini.

Nurain Randi berumur setahun sembilan bulan dipercayai dilihat kali terakhir di kawasan perumahan ladang berkenaan sebelum gagal ditemukan sehingga hari ini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kinabatangan Nurul Azlan Sahah Jamalludin berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 12 tengah hari, 30 Mei lalu.

Katanya, seramai tiga anggota dan pegawai bersama dua jentera digerakkan ke lokasi kejadian bagi menjalankan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR).

"Operasi SAR dijalankan selama tiga hari dengan radius pencarian diperluas sehingga lima kilometer dari lokasi mangsa hilang.

"Bagaimanapun, hari ketiga pencarian dikecilkan kepada satu kilometer namun masih gagal menemukan sebarang petunjuk sebelum ditangguhkan," katanya dalam kenyataan media, di sini semalam.

Menurutnya, pasukan SAR mengalami sedikit cabaran kerana lokasi kejadian tidak mempunyai litupan grid.

"Sehingga kini mangsa belum ditemukan dan operasi akan disambung semula sekiranya mendapat petunjuk baharu," katanya.